



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 APRIL 2024 (KHAMIS)

Hati-hati Beli Ternakan Luar Biasa Murah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	17 April



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh mengenai tawaran atau promosi ternakan yang berharga luar biasa murah dari pasaran.

DVS dalam kenyataan berkata, perkara itu kerana dikhuatiri ternakan yang dibekalkan itu tidak melalui pemeriksaan kesihatan veterinar yang diperlukan bagi sebarang pemindan dan penyembelihan ternakan.

“DVS mengambil perhatian peningkatan jualan kambing

dengan harga luar biasa murah kerana dikhuatiri bekalan diperolehi daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti status kesihatan ternakan berkenaan.

“Bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat,” katanya di sini hari ini.

Selain itu katanya, ternakan yang tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhuatiri boleh membawa

pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia.

“Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor (seperti kutu, nyamuk dan lain-lain).

“Antara penyakit zoonotik yang boleh tersebar melalui haiwan ternakan adalah anthrax, brucellosis, leptospirosis dan chlamydiosis,” ujarnya.

Katanya, pembeli ternakan berkemungkinan besar mempunyai risiko djangkiti penyakit-penyakit zoonotik seperti yang dinyatakan jika ternakan yang dibeli tidak diketahui status kesihatan.

“Risiko penyebaran penyakit kepada ternakan sedia ada semakin tinggi jika pembelian berkenaan bertujuan untuk diternak.

“Keadaan ini boleh menyebabkan kerugian akibat kematian yang tinggi, kos pengurusan kawalan penyakit yang meningkat, sekaligus menggugat industri ternakan negara,” tambahnya.

Susulan itu katanya, bagi menangani isu tersebut DVS

telah menubuhkan task force dengan tujuan untuk mengesan ladang-ladang yang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

” Ladang-ladang yang dikenal pasti ini akan dibuat pemantauan secara proaktif oleh DVS dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

“Jika ada ternakan ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat,” katanya.

Dalam pada itu, DVS mengingatkan bahawa selaku pembeli, boleh meminta penjual menunjukkan permit pemindahan ternakan dan sijil kesihatan serta mengenal pasti tag ternakan atau apa-apa tanda pengenalan untuk kepastian ternakan telah diperiksa oleh DVS. –**KOSMO! ONLINE**

Harga Kambing Luar Biasa Murah, DVS Tubuh Task Force Siasat Punca Bekalan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Utama	Online	17 April



Gambar hiasan

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menubuhkan task force dengan tujuan untuk mengesan ladang-ladang yang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

Langkah ini dilakukan susulan peningkatan jualan kambing dengan harga luar biasa murah kerana dikhawatirinya bekalan diperolehi daripada punca yang tidak dapat dikenalpasti status kesihatan ternakan berkenaan.

DVS berkata, ladang-ladang yang dikenalpasti ini akan

dibuat pemantauan secara proaktif dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

“Jika ada ternakan ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantine dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat.

“Tindakan ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai,” katanya dalam satu kenyataan di sini susulan isu penjualan kambing sama ada hidup atau disembelih yang tular di

dalam negara kebelakangan ini.

Pada masa sama, DVS menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh mengenai tawaran atau promosi ternakan yang berharga luar biasa murah dari pasaran kerana dikhuatiri dibekalkan tanpa melalui pemeriksaan kesihatan veterinar yang diperlukan bagi sebarang pemindahan dan penyembelihan ternakan.

Selaku pembeli, mereka boleh meminta penjual menunjukkan permit pemindahan ternakan dan sijil kesihatan serta mengenalpasti tag ternakan atau apa-apa tanda pengenalan untuk kepastian ternakan telah diperiksa oleh DVS.

DVS berkata, jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan bekalan daging negara ini adalah bebas dari sebarang penyakit, selamat untuk dimakan serta tidak memberi risiko ancaman penyakit kepada industri ternakan negara.

Menurutnya, bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat.

Ia kerana, ternakan yang

tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhuatiri boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia.

Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor (seperti kutu, nyamuk dan lain-lain).

“Antara penyakit zoonotik yang boleh tersebar melalui haiwan ternakan adalah anthrax, brucellosis, leptospirosis dan chlamydiosis. Pembeli ternakan berkemungkinan besar mempunyai risiko dijangkiti penyakit-penyakit zoonotik seperti yang dinyatakan jika ternakan yang dibeli tidak diketahui status kesihatan.

“Risiko penyebaran penyakit kepada ternakan sedia ada semakin tinggi jika pembelian berkenaan bertujuan untuk diternakm: katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, keadaan ini boleh menyebabkan kerugian akibat kematian yang tinggi, kos pengurusan kawalan penyakit yang meningkat, sekaligus menggugat

industri ternakan negara.

bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat.

Ia kerana, ternakan yang tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhawatir boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia.

Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor (seperti kutu, nyamuk dan lain-lain).

“Antara penyakit zoonotik yang boleh tersebar melalui haiwan ternakan adalah anthrax, brucellosis, leptospirosis dan chlamydiosis. Pembeli ternakan berkemungkinan besar mempunyai risiko dijangkiti penyakit-penyakit zoonotik seperti yang dinyatakan jika ternakan yang dibeli tidak diketahui status kesihatan.

“Risiko penyebaran penyakit kepada ternakan sedia ada semakin tinggi jika pembelian berkenaan

bertujuan untuk diternakan katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, keadaan ini boleh menyebabkan kerugian akibat kematian yang tinggi, kos pengurusan kawalan penyakit yang meningkat, sekaligus menggugat industri ternakan negara.

Ladang-ladang yang dikenalpasti ini akan dibuat pemantauan secara proaktif oleh DVS dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

Jika ada ternakan ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat. Tindakan ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai.

DVS menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh mengenai tawaran atau promosi ternakan yang berharga luar biasa murah dari pasaran kerana dikhawatir dibekalkan tanpa melalui pemeriksaan kesihatan veterinar yang diperlukan bagi sebarang pemindahan dan penyembelihan ternakan.

Selaku pembeli, boleh meminta penjual menunjukkan permit pemindahan ternakan dan

sijil kesihatan serta mengenalpasti tag ternakan atau apa-apa tanda pengenalan untuk kepastian ternakan telah diperiksa oleh DVS.


DVS ingin memaklumkan bahawa jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan bekalan daging negara ini adalah bebas dari sebarang penyakit, selamat untuk dimakan serta tidak memberi risiko ancaman penyakit kepada industri ternakan negara.

“Kami kerap mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang melanggar perundangan veterinar terutamanya berkaitan pemindahan dan penyembelihan kambing,” ujarnya sambil memohon orang ramai untuk membuat aduan secara rasmi kepada DVS ini sekiranya mempunyai maklumat tentang ternakan yang disyaki diseludup di talian 03-8870 2000.–

MALAYSIAGAZETTE

JPV Tubuh Pasukan Petugas Khas Tangani Isu Jualan Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	17 April



JPV menubuhkan pasukan petugas khas bagi menangani isu penjualan kambing sama ada hidup atau yang telah disembelih seperti tular baru-baru ini. (Gambar hiasan) Foto 123rf

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menubuhkan pasukan petugas khas bagi menangani isu penjualan kambing sama ada hidup atau yang telah disembelih seperti tular baru-baru ini.


JPV dalam kenyataan berkata, penubuhan pasukan itu bertujuan untuk mengesan ladang-ladang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

“Ladang-ladang yang dikenal pasti ini akan dibuat

pemantauan secara proaktif oleh JPV dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

“Jika ada ternakan ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat.

“Tindakan ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai,” menurut kenyataan itu.



Kenyataan media JPV pada Rabu.

Kenyataan memaklumkan, JPV mengambil perhatian peningkatan jualan kambing dengan harga luar biasa murah kerana dikhawatir bekalan diperolehi daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti status kesihatan ternakan berkenaan.

“Bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat.

“Ternakan yang tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhawatiri boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbingkan penyakit zoonotik boleh berjangkit kepada manusia.

“Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor seperti kutu, nyamuk dan lain-lain,” ujarnya.

Menurut kenyataan berkenaan, orang ramai dinasihatkan agar tidak terpengaruh mengenai tawaran atau promosi ternakan yang berharga luar biasa murah daripada pasaran kerana dikhawatir dibekalkan tanpa melalui pemeriksaan kesihatan veterinar yang diperlukan bagi sebarang pemindahan serta penyembelihan ternakan.

“Selaku pembeli, boleh meminta penjual menunjukkan permit pemindahan ternakan dan sijil kesihatan serta mengenal pasti tag ternakan atau apa-apa tanda pengenalan untuk kepastian ternakan telah diperiksa oleh JPV.

“JPV ingin memaklumkan bahawa jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan bekalan daging negara ini adalah bebas dari sebarang penyakit, selamat untuk dimakan serta tidak memberi risiko ancaman penyakit kepada industri ternakan negara,” menurut kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu, orang ramai boleh membuat aduan secara rasmi kepada JPV sekiranya mempunyai maklumat tentang ternakan yang disyaki diseludup kepada cawangan negeri terdekat melalui e-mel pro@dvs.gov.my atau hubungi 03-8870 2000.-

SINARHARIAN

Hati-hati Dengan Promosi Harga Ternakan Luar Biasa Murah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Edisi 9	Umum	Online	17 April



Gambar hiasan

Ihsan Gambar: Jabatan Perkhidmatan Veterinar FB

ORANG ramai dinasihatkan agar tidak terpengaruh dengan tawaran atau promosi ternakan berharga luar biasa murah berbanding pasaran.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berkata, ini kerana dikhuatiri ternakan tersebut dibekalkan tanpa melalui pemeriksaan kesihatan veterinar yang diperlukan bagi sebarang pemindahan dan penyembelihan ternakan.

Beliau berkata, pembeli berhak meminta penjual menunjukkan permit pemindahan ternakan dan sijil kesihatan serta

mengenal pasti tag ternakan atau apa-apa tanda pengenalan untuk kepastian ternakan telah diperiksa oleh DVS.

“DVS mengambil perhatian peningkatan jualan kambing dengan harga luar biasa murah kerana dikhuatiri bekalan diperolehi daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti status kesihatan ternakan berkenaan,” kata DVS dalam satu kenyataan hari ini.

Amaran itu dikeluarkan susulan isu penjualan

kambing sama ada hidup atau disembelih yang tular dalam negara kebelakangan ini.

DVS berkata, pihaknya sentiasa komited memastikan bekalan daging negara ini bebas daripada sebarang penyakit, selamat untuk dimakan serta tidak memberi risiko ancaman penyakit kepada industri ternakan negara.

Katanya, ternakan yang tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhawatir boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia.

“Pembeli ternakan berkemungkinan besar mempunyai risiko djangkiti penyakit-penyakit zoonotik seperti yang dinyatakan jika ternakan yang dibeli tidak diketahui status kesihatan.

“Risiko penyebaran penyakit kepada ternakan sedia ada semakin tinggi jika pembelian berkenaan bertujuan untuk diternak,” katanya.

Bagi menangani isu ini, DVS telah menuahkan petugas khas bertujuan mengesan ladang-ladang yang disyaki menjadi tempat simpanan

ternakan yang tidak diketahui punca bekalan. – EDISI 9

DVS Tubuh Pasukan Petugas Pantau Ladang Simpan Ternakan Tidak Diketahui Punca Bekalan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Am	Online	17 April



Gambar Hiasan

Gambar Hiasan

PUTRAJAYA, 17 April (Bernama) - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menukuhan pasukan petugas bagi mengesan ladang-ladang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

DVS memaklumkan ladang-ladang yang dikenal pasti itu akan dipantau secara proaktif dari sudut tahap kesihatan ternakan dan sekiranya diuji positif pembawa penyakit, ia dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat.

"Tindakan ini bagi mengekang

penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai," menurut DVS dalam kenyataan hari ini, merujuk isu penjualan kambing sama ada hidup atau disembelih yang tular kebelakangan ini.

DVS memaklumkan pihanya telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap individu melanggar perundangan veterinar terutamanya berkaitan pemindahan dan penyembelihan kambing.

"Perlu diberi perhatian,

setiap pemindahan ternakan perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Veterinar Negeri dan bagi tujuan penyembelihan perlu dilakukan di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan," menurut kenyataan itu.

Bagi memastikan pematuhan perundangan veterinar, DVS juga mendapat kerjasama agensi lain terutamanya dari polis dan Pasukan Gerakan Am sama ada melalui perkongsian maklumat mahupun tindakan penguatkuasaan.

"DVS mengambil perhatian peningkatan jualan kambing dengan harga luar biasa murah kerana dikhuatiri bekalan diperoleh daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti status kesihatan ternakan berkenaan.

"Bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat, menurut kenyataan itu.

Menurut DVS, ternakan tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhuatiri boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh


berjangkit kepada manusia.

Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor seperti kutu, nyamuk dan lain-lain

.Antara penyakit zoonotik yang boleh tersebar melalui haiwan ternakan adalah anthrax, brucellosis, leptospirosis dan chlamydiosis, menurut kenyataan itu.-[BERNAMA](#)

‘Task Force’ Tangani Isu Jualan Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Makkalosai	Bahasa Malaysia	Online	17 April



Pix credit: Jabatan Perkhidmatan Veterinar FB

Shah Alam, Apr. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menubuhkan pasukan petugas bagi menangani isu penjualan kambing sama ada hidup atau yang telah disembelih seperti tular baru-baru ini.

JPV dalam kenyataan berkata, penubuhan pasukan itu bertujuan untuk mengesan ladang-ladang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

“Ladang-ladang yang dikenal

pasti ini akan dibuat pemantauan secara proaktif oleh JPV dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

“Jika ada ternakan ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat.

“Tindakan ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai,”

menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan, JPV mengambil perhatian peningkatan jualan kambing dengan harga luar biasa murah kerana dikhuatiri bekalan diperolehi daripada punca yang tidak dapat dikenal pasti status kesihatan ternakan berkenaan.-

MAKKALOSAI

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR